



# **JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**PEMAKAIAN SEKSYEN 93 AKTA KASTAM 1967 DAN  
SEKSYEN 19A AKTA EKSAIS 1976 BERKAITAN DENGAN  
TUNTUTAN PULANG BALIK CUKAI  
KETETAPAN UMUM BIL. 2/2020**

---

**TARIKH KUATKUASA: 29 JULAI 2020**

## **KETETAPAN UMUM**

Selaras dengan seksyen 10F Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Ketua Pengarah mengeluarkan Ketetapan Umum Bil. 2/2020 yang menetapkan pemakaian bagi seksyen 93 Akta Kastam 1967 dan seksyen 19A Akta Eksais 1976 yang telah dipinda berkenaan tuntutan pulang balik cukai ke atas barang-barang import sebelum, pada atau selepas 1 Januari 2020.

Ketetapan Umum ini boleh dipinda sebahagiannya atau keseluruhannya atau ditarik balik pada bila-bila masa melalui penerbitan baru atau suatu notis tarik balik.

Jika terdapat apa-apa pindaan dalam perundangan yang memberi kesan kepada kandungan Ketetapan ini, pindaan perundangan tersebut mengatasi maklumat dalam Ketetapan Umum ini.

### **Penerbitan**

Tarikh diterbitkan: **30 Julai 2020**

### **Notis Hak Cipta**

Hak cipta 2020 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

### **Penafian**

Dokumen ini hanyalah sebagai panduan umum semata-mata. Ia tidak bertujuan untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang spesifik. JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang kerana menggunakan maklumat dari dokumen ini.

## KANDUNGAN

|                                |   |
|--------------------------------|---|
| APAKAH KETETAPAN UMUM INI..... | 1 |
| TAFSIRAN.....                  | 1 |
| PERUNDANGAN.....               | 1 |
| KETETAPAN DAN PENERANGAN ..... | 1 |
| RUJUKAN .....                  | 4 |
| LAMPIRAN 1.....                | 5 |

## APAKAH KETETAPAN UMUM INI

1. Ketetapan umum ini menetapkan pemakaian seksyen 93 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*] dan seksyen 19A Akta Eksais 1976 [*Akta 176*] yang telah dipinda berkaitan dengan tuntutan pulang balik cukai ke atas barang yang diimport sebelum, pada atau selepas 1 Januari 2020.

## TAFSIRAN

2. Dalam Ketetapan Umum ini, melainkan jika konteksnya menghendaki sebaliknya—

**“tuntutan pulang balik cukai”** ertinya tuntutan duti import atau duti eksais yang telah dibayar ke atas barang yang telah diimport menurut seksyen 93 Akta Kastam 1967 dan seksyen 19A Akta Eksais 1976.

## PERUNDANGAN

3. Syarat-syarat bagi tuntutan pulang balik cukai di bawah seksyen 93 Akta Kastam 1967 (AK) dan seksyen 19A Akta Eksais 1976 (AE) telah dipinda melalui Akta *A1593* dan *A1594* dan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.
4. Syarat-syarat di bawah seksyen 93 AK dan seksyen 19A Akta AE sebelum dan selepas pindaan adalah seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1.

## KETETAPAN DAN PENERANGAN

5. Ketetapan ini menetapkan pemakaian seksyen 93 AK dan seksyen 19A AE yang telah dipinda melalui Akta *A1593* dan *A1594* berkenaan dengan tuntutan pulang balik cukai ke atas barang-barang yang diimport sebelum, semasa atau selepas **1 Januari 2020**.

6. Sebelum 1 Januari 2020, tempoh bagi barang-barang untuk dieksport semula bagi tuntutan pulang balik cukai di bawah seksyen 93 AK dan seksyen 19A AE adalah dalam tempoh dua belas (12) bulan yang mana duti import atau duti eksais telah dibayar dan amaun tuntutan pulang balik cukai berkenaan dengan mana-mana satu (1) konsainan barang yang dieksport semula hendaklah tidak kurang daripada lima puluh (50) ringgit. Walau bagaimanapun, mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020, tempoh bagi barang dieksport semula di bawah seksyen 93 AK dan seksyen 19A AE yang telah dipinda telah dipendekkan kepada tiga (3) bulan yang mana duti import atau duti eksais telah dibayar dan amaun tuntutan pulang balik cukai berkenaan dengan mana-mana konsainan barang-barang yang dieksport semula tidak kurang daripada dua ratus (200) ringgit.
  
7. Seksyen 93 AK [*Akta A1593*] dan seksyen 19A AE [*Akta A1594*] yang telah dipinda **hendaklah terpakai hanya kepada barang yang diimport pada atau selepas 1 Januari 2020 dan tidak terpakai kepada barang-barang yang telah diimport sebelum 1 Januari 2020.**

**Contoh (1):**

**Pengimportan sebelum 1 Januari 2020**

- (1) A telah mengimport barang X dan telah membayar duti import dan/atau duti eksais bagi barang tersebut pada **31 Disember 2019**. A layak menuntut pulang balik cukai ke atas duti import dan/atau duti eksais yang telah dibayar sekiranya dia—
  - (a) mengeksport semula barang-barang itu sebelum **31 Disember 2020** (dalam masa **dua belas (12) bulan** daripada tarikh duti kastam atau duti eksais telah dibayar);
  - (b) telah memberi notis bertulis kepada seorang pegawai kanan kastam pada atau sebelum masa eksport semula bahawa suatu tuntutan pulang balik akan dibuat;

- (c) membuat tuntutan di dalam Borang JKDM No. 2 yang telah ditetapkan dan dibuktikan sehingga memuaskan hati pegawai kanan kastam dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh eksport semula;
- (d) pulang balik cukai yang dituntut berkecuaan mana-mana satu konsainan barang-barang yang dieksport semula adalah tidak kurang daripada **lima puluh (50) ringgit**; dan
- (e) telah memenuhi syarat-syarat lain yang telah dinyatakan di bawah perenggan-perenggan 93(1)(a), (d), (e) dan (f) dan subseksyen 93(2) AK atau perenggan-perenggan 19A(1)(a), (d), (e) dan (f) dan subseksyen 19A(2) AE.

**Contoh (2):**

**Pengimportan pada 1 Januari 2020**

- (2) A telah mengimport barang X dan telah membayar duti import atau duti eksais ke atas barang tersebut pada **1 Januari 2020**. A layak menuntut pulang balik cukai ke atas duti import atau duti eksais yang telah dibayar jika dia—
  - (a) mengeksport semula barang tersebut sebelum **31 Mac 2020** (dalam tempoh **tiga (3) bulan** daripada tarikh duti kastam telah dibayar);
  - (b) telah memberikan satu notis bertulis kepada seorang pegawai kanan kastam pada atau sebelum masa eksport semula bahawa tuntutan pulang balik cukai akan dibuat;
  - (c) membuat tuntutan di dalam borang JKDM No. 2 yang telah ditetapkan dan membuktikan sehingga memuaskan hati pegawai kanan kastam dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh eksport semula itu;

- (d) membuat tuntutan berkenaan dengan mana-mana konsainan barang-barang yang dieksport semula tidak kurang daripada **dua ratus (200) ringgit**; dan
- (e) telah memenuhi semua syarat-syarat lain yang telah ditetapkan di bawah perenggan-perenggan 93(1)(a), (d), (e) dan (f) dan subseksyen 93(2) AK atau perenggan-perenggan 19A(1)(a), (d), (e) dan (f) dan subseksyen 19A(2) AE.

## **RUJUKAN**

8. Rujukan perundangan:

- (a) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*]; dan
- (b) Akta Eksais 1976 [*Akta 176*].

LAMPIRAN 1

| SEBELUM 1 JANUARI 2020   | PADA/SELEPAS 1 JANUARI 2020   |
|--|---|
| <p><b>Seksyen 93 AK</b><br/><b>Syarat di mana pulang balik boleh dibayar</b></p> <p><i>93. (1) Apabila apa-apa barang, selain daripada barang-barang yang berkaitan dengan seksyen 95 dan 96, yang duti kastam telah dibayar, dieksport semula, sembilan per sepuluh daripada duti dikira mengikut subseksyen (2) boleh dibayar balik sebagai pulang balik jika—</i></p> <p><i>(a) barang-barang itu dikenalpasti dengan memuaskan hati seorang pegawai kanan kastam di pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam di mana barang-barang itu dikapalkan atau dimuatkan untuk dieksport semula, atau di tempat eksport semula;</i></p> <p><i>(b) pulang balik yang dituntut berkenaan dengan mana-mana satu konsainan barang-barang yang dieksport semula tidak kurang daripada <b>lima puluh ringgit</b>;</i></p> | <p><b>Seksyen 93 AK</b><br/><b>Syarat di mana pulang balik boleh dibayar</b></p> <p><i>93. (1) Apabila apa-apa barang, selain daripada barang-barang yang berkaitan dengan 96, yang ke atas duti kastam telah dibayar dieksport semula, sembilan per sepuluh daripada duti dikira mengikut subseksyen (2) boleh dibayar balik sebagai pulang balik jika—</i></p> <p><i>(a) barang-barang itu dikenalpasti dengan memuaskan hati seorang pegawai kanan kastam di pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam di mana barang-barang itu dikapalkan atau dimuatkan untuk dieksport semula, atau di tempat eksport semula;</i></p> <p><i>(b) pulang balik yang dituntut berkenaan dengan mana-mana satu konsainan barang-barang yang dieksport semula tidak kurang daripada <b>dua ratus ringgit</b>;</i></p> |
|  |   |



| SEBELUM 1 JANUARI 2020   | PADA/SELEPAS 1 JANUARI 2020  |
|--|--|
| <p>(c) <i>barang-barang itu dieksport semula dalam masa <b>dua belas bulan</b> dari tarikh duti kastam dibayar;</i></p>  | <p>(c) <i>barang-barang itu dieksport semula dalam masa <b>tiga bulan</b> dari tarikh duti kastam dibayar;</i></p>   |
| <p>(d) <i>bayaran pulang balik ke atas barang-barang yang termasuk dalam kelas barang-barang yang akan dieksport semula, yang tidak dilarang oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;</i></p>   | <p>(d) <i>bayaran pulang balik ke atas barang-barang sesuatu kelas yang mana barang-barang yang akan dieksport semula itu tergolong tidak dilarang oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;</i></p>   |
| <p>(e) <i>notis bertulis telah diberi kepada seorang pegawai kanan kastam pada atau sebelum masa eksport semula bahawa suatu tuntutan untuk pulang balik akan dibuat, dan tuntutan itu dibuat dalam borang yang ditetapkan dan dibuktikan sehingga memuaskan hati seorang pegawai kanan kastam dalam masa tiga bulan dari tarikh eksport semula; dan</i></p> | <p>(e) <i>notis bertulis telah diberi kepada seorang pegawai kanan kastam pada atau sebelum masa eksport semula bahawa suatu tuntutan untuk pulang balik akan dibuat, dan tuntutan itu dibuat dalam borang yang ditetapkan dan dibuktikan sehingga memuaskan hati seorang pegawai kanan kastam dalam masa tiga bulan dari tarikh eksport semula; dan</i></p> |
| <p>(f) <i>barang-barang itu tidak digunakan selepas pengimportan.</i></p>  | <p>(f) <i>barang-barang itu tidak digunakan selepas pengimportan.</i></p>  |
| <p>(2) <i>Amaun pulang balik yang dibenarkan hendaklah dikira pada kadar duti kastam yang boleh dilevi pada masa pengimportan, atau pada kadar duti kastam yang boleh dilevi ke atas barang-barang daripada perihalan yang serupa pada masa eksport semula barang-barang itu, mengikut yang mana-mana yang lebih rendah.</i></p>                             | <p>(2) <i>Amaun pulang balik yang dibenarkan hendaklah dikira pada kadar duti kastam yang boleh dilevi pada masa pengimportan.</i></p>   |

| SEBELUM 1 JANUARI 2020  | PADA/SELEPAS 1 JANUARI 2020  |
|---|--|
| <p data-bbox="188 439 416 472"><b>Seksyen 19A AE</b></p> <p data-bbox="188 495 807 584"><b><i>Pulang balik ke atas barang-barang import</i></b></p> <p data-bbox="188 663 807 976"><b>19A. (1)</b> Apabila apa-apa barang import, yang atasnya duti eksais telah dibayar, dieksport semula, sembilan per sepuluh daripada duti yang dikira mengikut subseksyen (2) boleh dibayar semula sebagai pulang balik jika—</p> <p data-bbox="188 1093 807 1469">(a) barang-barang itu dikenal pasti dengan memuaskan hati seorang pegawai kanan eksais di pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam di mana barang-barang itu dikapalkan atau dimuatkan bagi eksport semula, atau di tempat eksport semula;</p> <p data-bbox="188 1525 807 1783">(b) pulang balik yang dituntut berkenaan dengan mana-mana satu konsainan barang-barang yang dieksport semula tidaklah kurang daripada <b>lima puluh ringgit</b>;</p> | <p data-bbox="829 439 1058 472"><b>Seksyen 19A AE</b></p> <p data-bbox="829 495 1450 584"><b><i>Pulang balik ke atas barang-barang import</i></b></p> <p data-bbox="829 663 1450 1039"><b>19A. (1)</b> Apabila apa-apa barang import selain barang-barang yang terlibat di bawah seksyen 19E, yang atasnya duti eksais telah dibayar, dieksport semula, sembilan per sepuluh daripada duti yang dikira mengikut subseksyen (2) boleh dibayar semula sebagai pulang balik jika—</p> <p data-bbox="829 1093 1450 1469">(a) barang-barang itu dikenal pasti dengan memuaskan hati seorang pegawai kanan kastam di pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam di mana barang-barang itu dikapalkan atau dimuatkan bagi eksport semula, atau di tempat eksport semula;</p> <p data-bbox="829 1525 1450 1783">(b) pulang balik yang dituntut berkenaan dengan mana-mana satu konsainan barang-barang yang dieksport semula tidaklah kurang daripada <b>dua ratus ringgit</b>;</p> |
| <p data-bbox="188 1995 807 2029">(c) barang-barang itu dieksport semula</p>   | <p data-bbox="829 1995 1450 2029">(c) barang-barang itu dieksport semula</p>   |

| SEBELUM 1 JANUARI 2020  | PADA/SELEPAS 1 JANUARI 2020  |
|---|--|
| <p><i>dalam <b>dua belas bulan</b> dari tarikh duti eksais dibayar;</i></p> <p><i>(d) bayaran pulang balik ke atas barang-barang sesuatu kelas yang mana barang-barang yang akan dieksport semula itu tergolong tidak dilarang oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;</i></p> <p><i>(e) notis bertulis telah diberikan kepada seorang pegawai kanan eksais pada atau sebelum masa dieksport semula bahawa suatu tuntutan untuk pulang balik akan dibuat, dan tuntutan itu dibuat dalam borang yang ditetapkan dan dibuktikan dengan memuaskan hati seseorang pegawai kanan eksais dalam masa tiga bulan dari tarikh eksport semula; dan</i></p> <p><i>(f) barang-barang itu tidak digunakan selepas pengimportan..</i></p> <p><i>(2) Amaun pulang balik yang dibenarkan hendaklah dikira pada kadar duti eksais yang dilevi pada masa import, atau pada kadar duti eksais yang boleh dilevi atas barang-barang daripada perihalan yang serupa pada masa eksport semula barang-barang itu, mengikut mana-mana yang lebih rendah."</i></p> | <p><i>dalam masa <b>tiga bulan</b> dari tarikh duti eksais dibayar;</i></p> <p><i>(d) bayaran pulang balik ke atas barang-barang sesuatu kelas yang mana barang-barang yang akan dieksport semula itu tergolong tidak dilarang oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;</i></p> <p><i>(e) notis bertulis telah diberikan kepada seorang pegawai kanan eksais pada atau sebelum masa dieksport semula bahawa suatu tuntutan untuk pulang balik akan dibuat, dan tuntutan itu dibuat dalam borang yang ditetapkan dan dibuktikan dengan memuaskan hati seseorang pegawai kanan eksais dalam masa tiga bulan dari tarikh eksport semula; dan</i></p> <p><i>(f) barang-barang itu tidak digunakan selepas pengimportan.</i></p> <p><i>(2) Amaun pulang balik yang dibenarkan hendaklah dikira pada kadar duti eksais yang dilevi pada masa import."</i></p> |